

Received	8 January 2025	Accepted	9 January 2025
Revised	11 February 2025	Published	30 June 2025
Volume	6, June 2025	Pages	41-52
http://doi.org/			
To cite: Nur Ismahani Abd Rahman & Firuz Akhtar Lubis. 2025. Kritikan sastra terhadap tema keagamaan dalam novel Burung Pipit dari Timur karya Taufiq al-Hakim berdasarkan teori spiritual Imam al-Ghazali. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 6 (June 2025): 41-52. DOI: http://doi.org/			

Kritikan Sastra Terhadap Tema Keagamaan dalam Novel Burung Pipit dari Timur Karya Taufiq al-Hakim Berdasarkan Teori Spiritual Imam al-Ghazali

Literary Criticism of the Religious Theme in the Novel
Burung Pipit Dari Timur by Taufiq al-Hakim Based
on Spritiual Theory Imam al-Ghazali

Nur Ismahani Abd Rahman¹ & Firuz Akhtar Lubis²

Abstrak

Sebuah karya novel sastra telah diterbitkan oleh seorang sasterawan Arab di Mesir yang dikenali sebagai Taufiq Al-Hakim. Novel tersebut diberi nama *Usfur min Al-Syarq*, yang membawa maksud “Burung Pipit dari Timur. Ia merupakan novel bergenre sejarah, tetapi terdapat juga unsur-unsur percintaan yang menjadikan novel ini lebih menarik dibaca oleh masyarakat. Bukan itu sahaja, ia turut dihiasi dengan gaya bahasa klasik yang membuatkan pengkaji ingin menyelami pembacaan novel dengan lebih menadalam. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis tema keagamaan yang wujud dalam karya novel tersebut. Sehubungan itu, metodologi kajian adalah menggunakan kajian kualitatif, serta berdasarkan kepada analisis kandungan teks-teks novel. Teori Spiritual telah dijadikan sebagai pendekatan analisis dalam artikel ini. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, terdapat dua subtema keagamaan yang wujud, iaitu keimanan yang kuat terhadap Tuhan serta menjauhi sikap rakut terhadap kecintaan dunia. Bagi subtema yang pertama, ia menggunakan pendekatan prinsip pertama (*Aqidah*), manakala subtema kedua menggunakan prinsip kedua (*Tazkiyah An-*

¹ Pelajar Sarjana Muda, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-Mel: A181401@siswa.ukm.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-Mel: firuz@ukm.edu.my

Nafs). Terdapat juga beberapa petikan teks yang telah dipetik bagi mengukuhkan subtema tersebut. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan serta dapat membantu para penyelidik lain untuk menghasilkan sebuah kajian analisis novel sastera. Analisis yang menyeluruh juga diharapkan dapat diteruskan oleh penyelidik lain agar lebih banyak kajian analisis yang dilakukan terhadap novel ini.

Kata Kunci: *Usfur min Al-Syarq*, Novel Burung Pipit dari Timur, Taufiq Al-Hakim, Keagamaan, Teori Spiritual

Abstract

A literary novel has been published by an Arab writer in Egypt known as Taufiq Al-Hakim. The novel is titled Usfur min Al-Syarq, which means "Burung Pipit dari Timur" or "Sparrow from the East". It is a historical novel, but it also contains elements of romance, making it more appealing to readers. In addition, it is adorned with classical language styles, which encourage researchers to delve deeper into the reading of the novel. The objective of this study is to analyze the religious theme present in the novel. The methodology of the study employs qualitative research and is based on content analysis of the novel's text. Spiritual Theory has been used as an analytical approach in the article. Based on the research findings, there are two religious subthemes present: strong faith in God and the avoidance of excessive attachment to worldly love. The first subtheme is approached using the first principle (Aqidah), while the second subtheme is approached using the second principle (Tazkiyah An-Nafs). Several text excerpts have also been cited to support these subthemes. Therefore, it is hoped that this study will contribute and assist other researchers in producing an analysis of literary novels. It is also hoped that other researchers will continue with more comprehensive analyses of this novel.

Keywords: *Usfur min Al-Syarq*, Novel of Burung Pipit dari Timur, Taufiq Al-Hakim, Spiritual theory

Pengenalan

Novel *Usfur min Al-Syarq* atau dikenali sebagai "Burung Pipit dari Timur" merupakan sebuah karya terbaik Taufiq Al-Hakim. Secara keseluruhannya, novel ini berkisar tentang kisah perjalanan hidup Muhsin yang berhijrah dari Mesir ke Perancis demi mencari cinta sejatinya, disebabkan oleh kegagalan beliau dalam mengejar cintanya di Mesir. Bukan itu sahaja, novel ini juga turut menampilkan unsur-unsur pertembungan budaya di antara masyarakat Timur dan Barat. Hal ini disebabkan oleh penguasaan serta penjajahan negara-negara Barat ke atas negara-negara Timur telah memberi impak dan membawa pengaruh yang besar terhadap dunia Timur (Uki Sukiman, 2011). Antaranya adalah, pengaruh dari segi corak pemikiran, ideologi dan budaya sama ada ianya positif mahupun negatif. Novel ini telah diterbitkan pada tahun 1937 di Darul Mesir.

Berdasarkan hasil tinjauan literatur, terdapat beberapa penyelidik yang telah menjadikan novel *Burung Pipit* dari Timur sebagai bahan kajian analisis mereka. Artikel yang bertajuk “Perepresentasian Liyan dalam Novel Perjalanan *Usfur min Al-Syarq* Karya Taufiq Al-Hakim” telah dikaji oleh Hendra Apriyono pada tahun 2020. Menurut penyelidik, Taufiq Al-Hakim telah menggunakan watak-watak seperti Ivanov, Andre, Germaine dan Susy untuk menampilkan ideologi serta corak pemikiran Barat yang telah mula mempengaruhi masyarakat Arab di Timur. Penemuan tersebut mirip dengan hasil kajian yang telah dibuat oleh Uki Sulaiman dalam artikelnya yang berjudul “Kritik Al-Hakim atas Barat dan Timur dalam Novel *Usfur min Al-Syarq* pada tahun 2011. Menurut penyelidik, gambaran kehidupan budaya Eropah yang menghancurkan nilai-nilai kemanusiaan secara zahir mahupun batin, dilihat selari dengan kehidupan yang dilalui oleh watak Susy. Maka, hal memperlihatkan bahawa Taufiq Al-Hakim ingin memberi gambaran kepada masyarakat bahawa pengaruh budaya Barat telah memberi impak yang negatif kepada masyarakat, khususnya masyarakat Timur pada ketika itu. Selain itu, terdapat juga artikel lain yang berkaitan dengan analisis terhadap novel *Burung Pipit* dari Timur. Salah satunya adalah artikel yang dikaji oleh Hizbulloh Huda (2011) bertajuk “Perbandingan Novel Salah Asuhan karya Abdoel Moeis dan *Burung Pipit* dari Timur karya Taufiq Al Hakim (Pembacaan Poskolonialisme)”. Penyelidik menyatakan bahawa Taufiq Al-Hakim menggunakan watak Muhsin sebagai satu bentuk kritik terhadap budaya Eropah pada awal penceritaan novel tersebut. Tambahan pula, penyelidik turut menyifatkan bahawa Taufiq Al-Hakim mempunyai gaya yang tersendiri dalam mempersembahkan ideologi beliau dalam karya-karyanya. Namun berdasarkan pemerhatian, terdapat beberapa unsur atau tema keagamaan yang telah dipersembahkan oleh Taufiq Al-Hakim di penghujung bab-bab dalam novel ini. Hal ini disebabkan oleh, karya novel *Burung Pipit* dari Timur bukan hanya sekadar menampilkan aspek pengaruh kebudayaan, malah unsur keagamaan juga turut dinukilkan dalam novel ini.

Justeru itu, tujuan artikel ini ditulis adalah untuk mengkaji unsur-unsur keagamaan melalui tema berdasarkan kepada analisis terhadap petikan-petikan teks yang terdapat dalam novel tersebut. Kajian ini menggunakan teori spiritual, memandangkan tiada lagi kajian yang menggunakan pendekatan ini dalam menganalisis novel *Burung Pipit* dari Timur. Kebanyakan kajian lain ditulis menggunakan teori kebudayaan, realisme, dan Poskolonialisme sebagai pendekatan analisis kritikan mereka. Oleh itu, artikel ini akan menggunakan teori yang berbeza daripada kajian-kajian lepas.

Metodologi Kajian

Data kajian merupakan salah satu aset yang penting dalam sesebuah penyelidikan. Tanpa wujudnya data, maka tidak akan berjaya matlamat yang ingin dicapai. Justeru itu, terdapat dua kaedah penyelidikan yang digunakan bagi memperoleh hasil dapatan serta perbincangan yang tuntas bagi kajian ini. Kaedah yang pertama adalah kaedah kualitatif. Menurut Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan (2021) menyatakan bahawa kaedah kualitatif membawa maksud suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau

fenomena manusia dan masyarakat (konteks). Dalam kajian ini, pengumpulan data telah digunakan bagi mengumpulkan segala artikel kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Kemudian, kandungan data tersebut dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hal ini bertujuan, untuk membuat pemerhatian terhadap tema serta petikan-petikan hasil karya novel *Burung Pipit dari Timur*.

Kaedah yang kedua adalah, kaedah analisis kandungan. Menurut Abd Latif (2006), analisis kandungan adalah salah satu instrumen kajian yang kerap digunakan dalam kajian media, dan ia terhad kepada kaedah analisis kandungan teks, analisis kandungan dalam komunikasi, analisis kandungan dalam psikologi dan lain-lain lagi. Justeru itu, artikel ini akan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan teks dengan cara menganalisis petikan-petikan yang dipetik daripada karya novel yang telah dipilih. Bagi menyokong hasil dapatan kajian ini, pelbagai jenis bahan rujukan yang digunakan untuk dijadikan sebagai hujah serta menguatkan kajian ini. Antaranya daripada sumber al-Quran, Hadith, buku, jurnal, artikel serta kamus dewan bahasa dan pustaka.

Latar Belakang Karya dan Sinopsis Karya

Latar Belakang Karya

Novel *Burung Pipit dari Timur* merupakan terjemahan daripada novel sastra Arab yang bertajuk *Usfur Min Al-Syarq*. Karya asal tersebut telah diterbitkan pada tahun 1937 dengan mengambil negara Perancis sebagai latar tempat bagi penceritaan dalam novel. Terdapat 20 bab yang merangkumi keseluruhan kisah novel ini serta mengandungi 192 halaman. Ketebalan buku novel ini, kelihatan sederhana (tidak terlalu tebal dan nipis) serta ianya sesuai untuk dibaca oleh golongan remaja mahupun dewasa. Berdasarkan hasil pemerhatian, hanya terdapat satu versi terjemahan sahaja bagi novel *Burung Pipit dari Timur*. Terjemahan novel tersebut adalah dalam bahasa Indonesia yang telah diterjemahkan oleh Ustaz Salim Bazmul. Ia telah diterbitkan oleh Navila pada tahun 2003.

Selain itu, novel ini pernah dilabelkan sebagai novel berbentuk autobiografi. Menurut Uki Sukiman (2011), menyatakan bahawa plot penceritaan novel *Burung Pipit dari Timur* kelihatan mirip dengan riwayat hidup yang dialami oleh penulis buku itu sendiri iaitu Taufiq Al-Hakim, sewaktu menyambung pelajarannya di Perancis selama 4 tahun. Maka, ia telah dianggap sebagai sebuah novel autobiografi. Berdasarkan kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, autobiografi membawa maksud penulis menceritakan riwayat hidup dirinya sendiri. Melalui pemerhatian, tiada rekod atau data yang menyatakan bahawa novel ini pernah memenangi anugerah atau yang paling laris di pasaran, namun ia masyhur dalam kalangan masyarakat Arab disebabkan oleh penceritaan yang dinukilkan oleh Taufiq Al-Hakim.

Sinopsis Karya

Novel ini menceritakan tentang perjalanan cinta seorang tokoh yang bernama Muhsin yang sering digelar 'usfur min al-Syarq' (burung pipit dari Timur), dengan seorang gadis Perancis yang bernama Azriel Susy Debone. Namun begitu, kisah cinta mereka menemui kegagalan apabila Susy bersikap curang terhadap Muhsin dengan memilih

pemuda bernama Henry sebagai kekasih barunya. Henry dikenali sebagai bos (ketua) di tempat kerja Susy. Perkenalan Muhsin dan Susy bermula saat beliau membeli tiket masuk opera, yang pada ketika itu Susy adalah seorang penjual tiket di sana. Kekaguman Muhsin terhadap kejelitaan Susy telah mendorongnya untuk mengikuti di mana sahaja Susy menginap, sehingga rela untuk berpindah ke rumah flat yang dimiliki oleh Susy. Sebelum itu, beliau tinggal bersama-sama dengan Andre yang merupakan seorang kawan karibnya. Andre juga mempunyai seorang isteri bernama Germain, anaknya Jean serta hidup bersama-sama kedua-dua orang tuanya. Di samping kisah hubungan percintaan antara Muhsin dan Susy, terdapat seorang lagi watak yang bernama Zainab. Beliau diceritakan oleh pengarang sebagai seorang wanita berpakaian serba putih yang berada di langit dan sering mengawasi setiap tingkah laku Muhsin dalam menjalani kehidupannya. Namun, ia tidak disebutkan dengan jelas hubungan di antara Muhsin dan wanita tersebut.

Setelah hubungan Muhsin dan Susy berakhir, Muhsin telah berpindah ke sebuah flat lain kerana berasa kecewa dan tertekan dengan pengkhianatan kekasihnya. Di flat baru tersebut, beliau telah berkenalan Ivanov yang berbangsa Rusia. Watak Ivanov, diceritakan sebagai seorang pekerja buruh yang sering menghadapi penyakit serta hidup bersendirian. Selain itu, Ivanov mempunyai sikap ingin tahu serta semangat yang tinggi untuk mencari jati diri yang sebenar. Sepanjang pencarian tersebut, beliau sering menelaah kitab-kitab seperti *Das Kapital*, Taurat, Injil dan Al-Qur'an. Sebelum tiba hari kematiannya, Ivanov mengungkapkan bahawa hakikat cahaya kebenaran itu muncul dari Timur. Bertitik tolak daripada itu, Ivanov telah menyatakan hasratnya untuk ke negara Timur dan mengajak Muhsin untuk pergi bersama-sama dengannya. Namun begitu, hajatnya tidak kesampaian. Ivanov telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di atas pangkuan Muhsin.

Latar Belakang Penulis



Gambar: Taufiq Al-Hakim
Sumber dari google

Biografi Penulis

Taufiq Al-Hakim merupakan seorang sasterawan Mesir yang menghasilkan banyak karya terulung dan masyhur dalam dunia kesusasteraan moden. Beliau dilahirkan pada 9 Oktober 1898 di Slahiyatu Ar Raml, Iskandariah Mesir. Selain itu, dikatakan bahawa Taufiq Al-Hakim memiliki darah keturunan Arab-Turki. Ayahnya berasal dari darah keturunan Arab yang merupakan anak petani kaya raya di Mesir dan bekerja sebagai hakim di pengadilan desa Al-Delnegat di Baheira Tengah, manakala ibunya berasal dari darah keturunan Turki yang memiliki wajah yang jelita dan merupakan anak perwira Turki (Insan Alifardho et al. 2020).

Dari segi pendidikan yang telah diterima olehnya, beliau telah dihantar oleh ayahnya ke sekolah rendah di Damanhur sewal usia 7 tahun pada tahun 1915. Kemudian, beliau melanjutkan pendidikan di sekolah menengah “Muhammad Ali” yang terletak di Kaherah dan tinggal bersama dengan bapa saudaranya. Namun begitu, Taufiq Al-Hakim telah disumbatkan ke dalam penjara pada tahun 1919, disebabkan oleh keterlibatan beliau dalam pergolakan di bawah pimpinan Sa’d Zaglul. Sepanjang beliau di dalam penjara tersebut, beliau sudah mula mengeluarkan idea serta penulisannya dalam bentuk karya sastera. Setelah beliau dibebaskan dari penjara pada tahun 1920, Taufiq Al-Hakim mendapat ijazah Kafaah di Mesir, lalu menyambung pendidikannya di Eropah. Pada ketika itu, bakat seni dan sasteranya terus berkembang melalui keterlibatan beliau dalam menyertai artis muda lain seusianya, iaitu Mahmud Taimur. Pada tahun 1922, beberapa teks drama telah mula dikarang oleh beliau serta dipentaskan oleh kumpulan teater Ukasyah di bangunan teater al-Azbekiyah. Bakat beliau dalam dunia sastera terus berkembang hingga tahun 1932. Pada ketika itu, Taufiq Al-Hakim telah menghasilkan sebuah teater yang bertajuk “Ashabul Kahfi” yang merupakan inspirasi daripada Surah Al-Kahfi dalam al-Quran. Bertitik tolak daripada itu, nama beliau kian dikenali di seluruh pelusuk Mesir disebabkan oleh drama berjudul “Syahrazad” (Kisah Seribu Satu Malam) telah berjaya dipersembahkan oleh beliau pada tahun 1934. Hal ini secara tidak langsung, menjadikan beliau terkenal sebagai pelopor drama kontemporeri. Rentetan daripada itu, beliau telah mula mengundurkan diri dari pekerjaan dalam bidang kehakiman, lalu berpindah ke bidang pendidikan pada tahun 1935. Tidak lama selepas itu, beliau telah berpindah ke bidang sosial dan pada tahun 1943, beliau bertekad untuk terus menceburkan diri dalam bidang sastera dan menjadi seorang sasterawan Mesir. Taufiq Al-Hakim telah meninggal dunia pada 23 Julai 1987 di Kaherah, Mesir (Abdul Latif Ansary, 2022).

Karya-karya Taufiq Al-Hakim

Terdapat pelbagai bentuk karya penulisan yang telah dihasilkan oleh Taufiq Al-Hakim. Antaranya adalah dalam bentuk drama, novel dan cerpen. Berikut merupakan hasil karya penulisan beliau dalam bentuk novel dan cerpen:

Novel:

- Awdat Al-Ruh (1933)
- Yamiyat Naib fil-Aryaf (1937)
- Usfur min Al-Syarq (1938)

- Ashab Malik Al-Tufaylayin (1938)
- Raqisat Al-Ma'bad (1939)
- Al-Ribat Al-Muqoddas (1944)
- Al-Qasr Al-Mashour (1957)
- Rihlat Ilal Ghad
- Tahya Mishbah Al-Ahdhar
- Zahratu Al-Umri
- Nasyid Al-Ansyad
- Rashashas fi Qalbi

Cerpen:


- Ahl Al-Fann (1934)
- Ahd Al-Syaithan (1938)
- Sultan al-Zalam (1941)
- Arinillah (1953)
- Adalah wa Fann (1953)
- Madrasit Al-Mughafiliin (1953)
- Laiyat Al-Zifaf (1966)

Berdasarkan pengumpulan data yang telah direkodkan oleh Insan Alifaridho et.al., (2020), terdapat hampir 44 hasil karya yang telah dihasilkan oleh Taufiq Al-Hakim, merangkumi drama, novel dan cerpen. Namun begitu, hanya sebahagian sahaja contoh yang dinyatakan dalam artikel ini.

Teori Spiritual

Secara umumnya, kritikan sastera merupakan satu disiplin ilmu untuk menilai teks sastera secara objektif (Tengku Intan Marlina, 2018). Sehubungan itu, dalam mengkritik sesuatu karya sastera, penggunaan teori atau pendekatan amat penting dalam sesebuah analisis. Hal ini demikian kerana, teori berperanan dalam membantu seseorang pengkritik atau pengkaji dalam melihat serta mentafsir sesuatu perkara dengan perspektif baru. Bukan itu sahaja, teori turut berfungsi dalam menerangkan tanggapan-tanggapan terhadap sesuatu fenomena kesusasteraan dan sastera.

Justeru itu, Teori yang digunakan dalam artikel ini adalah teori spiritual. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, teori dapat didefinisikan sebagai prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan (perkembangan) sesuatu pengetahuan, manakala spiritual pula membawa maksud perkara-perkara yang bersifat rohani atau jiwa (bukan bersifat fizikal) dan rohaniah. Terdapat 4 teras utama mengikut sudut pandangan Imam Al-Ghazali terhadap teori ini (Nor Ezdianie, 2019). Antaranya ialah Qalb (berkaitan dengan konsep ketuhanan dan kerohanian), Ruh (bersifat mengenal Allah serta mengabdikan diri kepada Allah), 'Aql (berfungsi dalam membantu manusia untuk mengawal diri dan nafsnya) dan Nafs (daya marah dan syahwat yang ada pada manusia serta latifah yang menjadikan manusia kembali kepada tuhananya). Seterusnya, terdapat 4 prinsip atau pendekatan utama yang menjadi tunjang kepada teori spiritual Imam Al-Ghazali. Rajah adalah seperti berikut:



Rajah 1.0 Prinsip Teori Spiritual Imam Al-Ghazali

Analisis dan Perbincangan

Tema Keagamaan

Secara umumnya, keagamaan membawa maksud perkara-perkara yang berkaitan dengan perihal agama (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat). Berdasarkan novel *Burung Pipit dari Timur*, terdapat dua subtema utama yang dapat diperoleh menerusi hasil pembacaan novel ini.

a. Subtema Pertama: Keimanan yang kuat terhadap Allah

Pengaruh dunia Barat ke atas negara-negara Islam sememangnya memberi impak yang besar terhadap masyarakat Muslim khususnya. Sebagai contoh, pengaruh dari segi hiburan, muzik, pergaulan bebas dan gaya hidup. Hal ini turut tidak terkecuali dihadapi oleh masyarakat Timur yang digambarkan oleh Taufiq Al-Hakim dalam novel *Burung Pipit dari Timur*. Melalui watak Muhsin dan Ivanov, mereka sering membeza-bezakan kehidupan masyarakat Timur yang dahulunya zuhud, mempunyai keimanan yang kuat dan sentiasa mengabdikan diri kepada Allah. Berbeza dengan masyarakat Timur kini (selepas era penjajahan Barat), ulama-ulama dari kalangan masyarakat Timur sibuk mengejar kekayaan harta. Ivanov menggambarkan rasa kagum seperti dalam petikan di bawah:

ومثل إيمان المسلمين في عهد النبي فقد حدث في موقعة "بدر" التي نشبت بين المسلمين وأعدائهم من قريش، أن مسلماً ترك القتال وانتحى يأكل بلحاً فسمع النبي يقول لا: يقاتل اليوم رجل فيقتل صابراً محتسباً، إلا أدخله الله الجنة! فقدف الرجل بالبلح من قام و، يده يصيح"، أفأبيني و بين دخول الجنة أن إلا يقتلني هؤلاء؟!... ثم رمى بنفسه في أحضان الأعداء... نعم، إلى يخيل أن مثل هذا الإيمان لا يمكن أن يعرفه الغرب اليوم"...

“Seperti keimanan orang-orang Islam di zaman Rasulullah SAW, Pada saat perang Badar antara umat Islam dan musuh mereka, kafir Quraisy, ada seorang Muslim yang meninggalkan medan perang dan menyingkir sambil memakan

kurma muda. Namun, ia lalu mendengar Nabi bersabda, “Tidaklah seseorang berperang di hari ini dan terbunuh dalam keadaan sabar dan tertawan, kecuali ia akan dimasukkan Allah ke dalam Surga. Orang itu kemudian membuang kurma mudanya dan berdiri sambil berteriak, “Tidak ada yang menghalangiku dari masuk surga kecuali aku terbunuh oleh mereka?!. Ia pun menerobos ke tengah musuh. Ya, menurutku, keimanan seperti ini tidak mungkin dikenal oleh orang-orang Barat saat ini.”

(Halaman 167)

Petikan di atas menggambarkan betapa kagumnya watak Ivanov terhadap sikap serta tingkah laku kaum Muslimin sewaktu zaman Rasulullah dan para sahabat. Kaum Muslimin pada zaman itu, tidak pernah ragu-ragu serta rasa gentar dalam menghadapi kematian. Hal ini demikian kerana, kematian merupakan jalan bagi mereka untuk menuju kehidupan yang lebih indah di alam syurga kelak. Oleh sebab itu, hanya seseorang yang mempunyai keimanan yang kuat sahaja mampu untuk menghadapi segala ujian dan cabaran dengan keberanian tanpa rasa gentar di dada.

Dengan menggunakan prinsip yang pertama: Akidah dalam Teori Spiritual Imam Al-Ghazali, petikan ini menggambarkan bagaimana kaum Muslimin zaman terdahulu mempunyai keimanan kuat serta kepercayaan yang teguh terhadap Allah SWT dalam kehidupan mereka. Walaupun Nabi Muhammad SAW hanya menceritakan sahaja kenikmatan serta bagaimana keindahan syurga, namun tahap kepercayaan kaum Muslimin terhadap kata-kata Baginda begitu tinggi. Situasi yang digambarkan oleh Taufiq Al-Hakim bersesuaian dengan elemen keimanan kuat yang terdapat dalam prinsip Pertama Spiritual Imam al- Ghazali iaitu akidah. Keimanan yang kuat amat berkait rapat dengan konsep aqidah kepada Allah. Menurut Amiroi Ramli (2021) menyatakan bahawa, prinsip Iman kepada Allah terbahagi kepada 4 iaitu beriman dengan kewujudan Allah, beriman kepada Rububiyah Allah, beriman kepada Uluhiyyah Allah dan beriman kepada Nama-Nama dan Sifat-Sifat Allah. Hal ini memperlihatkan bahawa, keteguhan iman itu dapat dicapai seseorang Muslim jika mereka mengamalkan keempat-empat prinsip tersebut dalam kehidupan mereka. Secara keseluruhannya, melalui Prinsip Akidah al-Ghazali, petikan ini menggambarkan betapa pentingnya seseorang itu memiliki iman yang teguh terhadap Allah SWT. Hal ini secara tidak langsung, dapat menguatkan hati serta mengawal diri daripada terus goyah dengan kenikmatan dunia.

b. Subtema kedua: Menjauhi sikap rakus terhadap kecintaan dunia

Kesenangan dan kenikmatan dunia, kadangkala mampu membuatkan manusia alpa dan lupa akan asal usul diri sendiri. Hal ini mirip dengan situasi yang turut dialami oleh tokoh-tokoh agamawan dari Timur. Mereka terlalu lalai dengan kenikmatan dunia sehingga mereka lupa akan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka sendiri. Sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan novel:

نعم، لا شك أن المسؤل عن انهيار مملكة السماء هم رجالا لدين أنفسهم... أولئك الذي ينبغي لهم أن يترجوا من كل متاع الأرض... ولكننا نراهم هم أول من ينعم بمملكة الأرض، وما فيها، من أكل طيب ينكزون به لحما، وخمر معتق، ينضج على وجوههم الموردة، وتحت إمرتهم: السيارات

يركبونها والمرتبات يقبضونها!... وكل شئ فيهم يكاد ينطق بأنهم يرتابون في جنة السماء وأنهم متكالبون على جنة الأرض...

“Memang, yang bertanggungjawab atas keruntuhan kerajaan langit tentu para tokoh agama sendiri... Mereka seharusnya melarikan diri dari kesenangan dunia... Namun, kita melihat mereka justeru menjadi orang pertama menikmati kesenangan dunia dengan segala isinya, yaitu makanan lezat yang membuat mereka gemuk dan minuman keras bermerek pilihan yang membuat wajah-wajah mereka merah. Mereka mengendalikan mobil-mobil yang mereka pakai dan jabatan yang mereka duduki. Segala yang mereka miliki nyaris menyatakan bahwa mereka meragukan surga akhirat dan mengejar surga dunia”.

(Halaman 156)

Petikan di atas membahaskan mengenai sikap para agamawan dari masyarakat Timur pada ketika itu. Ia merupakan dialog di antara Muhsin dan Ivanov yang membincangkan mengenai kesan-kesan pengaruh Barat terhadap masyarakat Timur, khususnya para agamawan. Kebanyakan sikap para agamawan pada zaman itu, terlalu cinta dan rakus terhadap kesenangan dunia. Mereka berlumba-lumba mengejar pangkat dan nama demi memperoleh pujian dari masyarakat.

Dengan menggunakan prinsip yang ketiga: Tazkiyah An-Nafs: dalam Teori Spiritual Imam Al-Ghazali, petikan ini menggambarkan kerakusan golongan agamawan terhadap kemewahan dunia. Oleh itu, menjauhi sikap rakus terhadap kecintaan dunia merupakan salah satu elemen yang terkandung di dalam prinsip keempat tersebut.

Sikap kerakusan terhadap kecintaan dunia yang digambarkan oleh Taufiq Al-Hakim mencerminkan bahawa kemewahan yang dikecapi oleh seseorang itu mampu membuatkan manusia leka dan lupa akan tanggungjawab mereka di dunia. Golongan agamawan turut tidak terkecuali diuji dengan perkara-perkara seperti itu. Sehubungan itu, situasi yang digambarkan bersesuaian dengan elemen galakan untuk menjauhi sikap kerakusan terhadap kecintaan dunia. Ia merupakan salah satu elemen yang tergolong dalam Prinsip Keempat Spiritual Imam Al-Ghazali iaitu Tazkiyyah An-Nafs. Oleh sebab itu, manusia diingatkan untuk sentiasa tidak bermegah-megah dengan kemewahan yang dikecapi sepanjang hidup.

Firman Allah SWT, dalam Surah Al-Takathur (ayat 1 hingga 8):

الْهَيْكُمُ التَّكَاثُرُ (١) حَتَّى زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ (٢) كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ (٣) ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ (٤) كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ الْيَقِينِ (٥) لَتَرَوُنَّ الْجَحِيمَ (٦) ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا عَيْنَ الْيَقِينِ (٧) ثُمَّ لَتُسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ (٨)

Maksudnya:

Bermegah-megahan telah melalaikan kamu, sampai kamu masuk ke dalam kubur. Janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui (akibat perbuatanmu itu) dan janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui. Janganlah begitu, Jika

kamu mengetahui dengan pengetahuan yang yakin, nescaya kamu benar-benar akan melihat neraka Jahim dan sesungguhnya kamu benar-benar akan melihatnya dengan ‘ainul yaqin. Kemudian kamu pasti akan ditanya pada hari itu tentang kenikmatan (yang kamu megah-megahkan di dunia itu).

Berdasarkan ayat di atas, Allah telah memberi peringatan kepada manusia untuk tidak bersikap rakus dan cinta akan kenikmatan dunia yang sementara. Kemewahan di sana kelak (Syurga) lebih indah berbanding kemewahan yang sedikit kita kecapi di dunia ini. Secara hakikatnya, kemewahan yang dinikmati sepanjang hari adalah semuanya atas kehendak dan pemberian dari Allah SWT. Ringkasnya, melalui Prinsip Tazkiyah An-Nafs Al-Ghazali, petikan ini memberi kesedaran kepada manusia agar sentiasa hidup besederhana di dunia ini, meskipun dilimpahi dengan kekayaan harta benda. Sikap rakus terhadap kecintaan dunia hanya membawa manusia ke arah kelalaian dan jauh dari redha Allah.

Secara keseluruhannya, terdapat dua subtema utama yang dapat diperhatikan melalui pendekatan teori Spirtual dalam novel ini. Subtema pertama adalah keimanan yang kuat terhadap Allah, dan ia merujuk kepada prinsip yang pertama iaitu Akidah. Seterusnya, subtema kedua adalah menjauhi sikap rakus terhadap kecintaan dunia, dan ia merujuk kepada prinsip yang ketiga iaitu Tazkiyah An-Nafs. Pembuktian terhadap kedua-dua subtema tersebut dapat dilihat berdasarkan petikan teks yang telah dipetik dalam novel *Burung Pipit* dari Timur.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, novel *Usfur min Al-Syarq* merupakan salah sebuah novel terulung, karya Taufiq Al-Hakim. Ia telah disulami dengan unsur-unsur sejarah, percintaan serta keagamaan yang menjadikan novel ini kelihatan lebih menarik dan indah untuk dibaca. Bukan itu sahaja, dengan adanya gaya-gaya bahasa klasik serta sastera yang menghiasi plot penceritaan novel ini telah membuatkan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang, mampu difahami oleh para pembaca. Unsur-unsur keagamaan yang diterapkan juga menjadi titik tolak pengkaji untuk menganalisis novel ini secara mendalam.

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, terdapat dua subtema keagamaan yang wujud, iaitu keimanan yang kuat terhadap Tuhan serta menjauhi sikap rakus terhadap kecintaan dunia. Bagi subtema yang pertama, ia menggunakan pendekatan prinsip pertama (Akidah), manakala subtema kedua menggunakan prinsip kedua (Tazkiyah An-Nafs). Terdapat juga beberapa petikan teks yang telah dipetik bagi mengukuhkan subtema tersebut. Oleh hal yang demikian, diharapkan kajian yang lanjut dapat dilakukan oleh para penyelidik lain agar dapat memperbanyak bahan rujukan mengenai kajian analisis novel sastera. Hal ini secara tidak langsung, dapat membantu dalam menyumbang kepada dunia ahli akademik.

Rujukan

1. *Al-Qur'an*.
2. Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2021. *Mengenali Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Alifardho, I., Tyas, A., Ari, E., Laily, S. & Khusna, N. 2020. *Biografi Sastrawan Arab Modern Taufiq Al-Hakim dan Yusuf Idris*.
file:///C:/Users/Acer/Downloads/pdfcoffee.com_biografi-yusuf-idris-dan-taufiq-al-hakim-pdf-free.pdf [Akses pada 2 Julai 2024].
4. Amirol Ramli. 2021. Analisis berkaitan Rukun Iman. hlm. 39–40.
https://www.researchgate.net/publication/353130623_ANALISIS_BERKAITA_N_RUKUN_IMAN_ISC400_UITM_SHAH_ALAM [Akses pada 20 Jun 2024].
5. Apriyono, H. 2020. Perepresentasian liyan dalam novel *Perjalanan Usfur min Al-Syarq* karya Taufiq Al-Hakim. *Jurnal Bahasa dan Sastra* 14(2): 191–210.
6. Hizbulloh Huda. 2011. Perbandingan novel *Salah Asuhan* karya Abdoel Moeis dan *Burung Pipit dari Timur* karya Taufiq El-Hakim (pembacaan poskolonialisme).
https://www.academia.edu/4483788/Perbandingan_Novel_Salah_Asuhan_Karya_Abdoel_Moeis_dan_Burung_Pipit_Dari_Timur_karya_Taufiq_El_Hakim_Pembacaan_Poskolonialisme_ [Akses pada 25 Jun 2024].
7. Lai Che Ching @ Abd Latif. 2006. Memetakan kaedah analisis kandungan: Satu tinjauan awal.
<https://www.ums.edu.my/fssk/images/files/BIL12%202006/Memetakan%20Kaedah%20Analisis%20Kandungan.pdf> [Akses pada 25 Jun 2024].
8. Nor Ezdianie, O. 2019. Teori kaunseling psiko-spiritual al-Ghazali: Suatu pendekatan alternatif dalam intervensi kaunseling. *Global Jurnal Al-Thaqafah* 9(3): 69–77. <http://www.gjat.my/gjat122019/GJAT122019-7.pdf> [Akses pada 24 Jun 2024].
9. Sukiman, U. t.t. Kritik Al-Hakim atas Barat dan Timur dalam novel *Usfur min Al-Syarq*. *Jurnal Bahasa dan Sastra* 10(1): 31.
https://www.researchgate.net/publication/331777551_KRITIK_AL_HAKIM_ATAS_BARAT_DAN_TIMUR_DALAM_NOVEL_USFUR_MIN_AL-SYARQ [Akses pada 20 Jun 2024].
10. Taufiq Al-Hakim. 2003. *Burung Pipit dari Timur*. Terj. Mustofa W. Hasyim & Ust Salim Bazmul. Edisi pertama. Golo Umbulharjo, Yogyakarta: Navila.
11. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. 2018. Tinjauan buku: Teori dan kaedah aplikasi dalam karya. *Jurnal Melayu* 17(2): 343–349.
<https://journalarticle.ukm.my/13141/1/28678-87579-1-SM.pdf> [Akses pada 20 Jun 2024].